

PERLINDUNGAN TERHADAP KANAK-KANAK DAN REMAJA KE ARAH PEMBENTUKAN GOLONGAN BELIA YANG POSITIF: SATU TINJAUAN

Ahmad Shamsul Bin Abd Aziz
Sekolah Pengurusan, Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok, Kedah Darul Aman
Tel: 04-9283660
Faks: 04- 9285761
E-mel: sham@uum.edu.my
dan
Norain Ismail
Pusat Perkhidmatan Akademik
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia
Karung Berkunci 1200
75450 Ayer Keroh
Melaka
Tel: 06-2332346
E-mel: ains_is@lycos.com

Abstrak

Masalah kebejatan moral di kalangan masyarakat hari ini bukanlah sesuatu perkara yang baru. Gejala ini yang acapkali dikaitkan dengan golongan anak-anak muda dan belia perlu segera dibendung memandangkan generasi muda inilah yang akan menjadi pelapis kepada pemerintahan negara di masa hadapan. Antara faktor kewujudan masalah ini adalah berpunca dari persekitaran hidup yang kurang sempurna sewaktu di zaman kanak-kanak dan remaja. Oleh itu, perlindungan sewajarnya perlu diberi terhadap hak kanak-kanak dan remaja bagi menjamin kesejahteraan kehidupan mereka. Artikel ini akan membincangkan mengenai peranan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan peruntukan undang-undang di negara kita dalam memberi perlindungan terhadap kanak-kanak dan remaja di Malaysia.

PENDAHULUAN

Dewasa ini, kita seringkali dikejutkan dengan berita-berita yang menyayat hati terutama yang melibatkan golongan kanak-kanak dan remaja. Kes-kes seperti penganiayaan terhadap golongan yang lemah ini saban hari menerjah ke halwa pendengaran. Kita tidak seharusnya membiarkan sahaja perkara ini berterusan atau sekadar membiarkan pihak tertentu sahaja menanganinya bahkan tanggungjawab moral ini seharusnya dipikul bersama oleh semua rakyat. Usaha yang dilakukan oleh badan bukan kerajaan tidak harus dipandang sepi dalam menegakkan kaulatan undang-undang.

DEFINISI KANAK-KANAK DAN REMAJA

Tidak ada definisi yang khusus bagi menerangkan maksud kanak-kanak. Mengikut Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966, kanak-kanak adalah mereka yang berada di dalam lingkungan umur 10 hingga 14 tahun, dan orang muda ialah di antara 14 hingga 16 tahun. Definisi orang muda mengikut akta ini boleh diistilahkan mewakili golongan remaja. Sementara Akta Pengangkatan 1952, kanak-kanak ialah mereka yang berumur di bawah 21 tahun. Akta ini telah memberi definisi yang sangat luas berkaitan dengan umur kanak-kanak dan dalam konteks perbincangan ini maka remaja juga adalah termasuk di dalam definisi tersebut. Manakala menurut Akta Wanita dan Gadis 1973, mereka yang terlibat adalah di bawah usia 21 tahun. Oleh itu, ketidakseragaman maksud secara langsung telah menimbulkan kekeliruan kepada sesetengah pihak dalam menentukan hak kanak-kanak dan remaja itu sendiri.

PERLINDUNGAN TERHADAP REMAJA DAN KANAK-KANAK DI BAWAH UNDANG-UNDANG

Terdapat beberapa peruntukan undang-undang di negara kita yang telah digariskan khusus memberi perlindungan terhadap golongan remaja dan kanak-kanak.

1. Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991

Akta ini meliputi mereka yang berumur di bawah 18 tahun. Ia telah menetapkan beberapa instrumen sosial bagi membendung masalah sosial dan seterusnya melindungi kanak-kanak dari sebarang masalah yang timbul. Di bawah Seksyen 12 (1), akta ini telah menetapkan bahawa Institusi Pasukan Perlindungan Kanak-kanak dan pusat-pusat aktiviti kanak-kanak yang lain diwujudkan bagi mengurangkan masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak. Akta ini juga memberikan ruang penglibatan anggota masyarakat dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan melalui penubuhan Majlis Perlindungan Kanak-kanak yang bertanggungjawab untuk menasihati Menteri dalam pelbagai masalah yang dihadapi masyarakat khususnya kanak-kanak (Sayed Abdul Rahman, 1996).

Selain itu, di bawah Seksyen 13 Akta ini memperuntukkan bahawa dalam keadaan seseorang kanak-kanak memerlukan jagaan sementara bagi mengelakkan dari terus dianiaya, maka bolehlah diletakkan kanak-kanak tersebut di tempat selamat sehingga dibawa ke hadapan Mahkamah Juvana untuk didengar kesnya.

Akta ini juga merujuk secara khusus berkaitan dengan penganiayaan dan perlindungan terhadap kanak-kanak. Mengikut Akta ini penganiayaan kanak-kanak adalah di bawah perlindungan Pegawai Kebajikan Masyarakat yang akan bertanggungjawab untuk :-

- i) Menerima aduan atau maklumat tentang sebarang penganiayaan dan penderaan kanak-kanak
- ii) Menyasiat dan menyelamatkan dengan serta merta kanak-kanak yang disyaki dianiaya
- iii) Membuat aduan terhadap Polis, jika perlu, terhadap penganiaya
- iv) Membawa kanak-kanak ke mahkamah untuk mendapatkan perintah supaya ia boleh ditempatkan di tempat yang sesuai
- v) Menyasiat dan menyediakan laporan sosial untuk mahkamah
- vi) Merancang dan melaksanakan tindakan untuk masa depan kanak-kanak secara keseluruhan supaya kes kanak-kanak terjamin dan setakat yang boleh, kanak-kanak itu dapat dikembalikan ke pangkuan keluarga secepat mungkin.

2. Akta Taska 1984

Akta ini diwujudkan bagi memastikan kanak-kanak di bawah 4 tahun diberikan asuhan yang menyeluruh. Kanak-kanak juga akan diberikan pendedahan pada peringkat permulaan berkaitan dengan pembelajaran dan pembentukan minda yang kreatif dan positif. Pembelajaran ini akan didedahkan kepada pengasuh dan ibu bapa kanak-kanak tersebut. Dengan penubuhan Akta ini, adalah menjadi tanggungjawab pegawai kebajikan masyarakat untuk memeriksa premis bagi menjamin kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak atau pekerja-pekerja adalah dalam keadaan memuaskan. Mereka juga membuat penyelenggaraan lain seperti pemeriksaan ke atas buku-buku rekod, jadual waktu, menu, buku kira-kira dan pengawasan terhadap pencegahan kebakaran atau bencana lain yang mungkin membahayakan nyawa atau kesihatan kanak-kanak.

3. Kanun Kesiksaan

Di bawah peruntukan Kanun Kesiksaan, terdapat beberapa peruntukan bagi melindungi golongan kanak-kanak dari teraniaya dan seterusnya menghukum pesalah yang melakukan jenayah terbabit.

Di dalam Seksyen 317 menyatakan bahawa barang siapa yang menjadi bapa atau ibu seorang kanak-kanak yang berumur kurang daripada dua belas tahun, atau yang bertanggungjawab menjaga kanak-kanak itu, mendedah atau meninggalkan kanak-kanak itu dengan niat hendak membuang kanak-kanak itu hendaklah dihukum dengan penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu terdapat beberapa lagi peruntukan dalam Kanun Kesiksaan yang menghukum sesiapa yang menyebabkan cedera atau cedera parah kepada mana-mana pihak termasuklah juga golongan kanak-kanak dan remaja. Hal ini boleh dirujuk melalui Seksyen 323, 325, 324 dan 326 Kanun Kesiksaan.

4. Peranan Agensi Berkaitan

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan agensi di bawah naungan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Antara tujuan penubuhan JKM adalah menjaga kebajikan, memberi perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan asuhan kanak-kanak kerana kumpulan sasar adalah mereka yang berumur antara 10 hingga 21 tahun.

Objektif utama penubuhan JKM ialah memberi penjagaan dan perlindungan kepada anggota masyarakat yang tidak berkeupayaan. Langkah-langkah yang dimainkan oleh pihak JKM adalah menyediakan kemudahan dan perlindungan untuk keperluan hidup, menjalankan usaha pencegahan masalah daripada berlaku atau menjadi lebih serius lagi dan membangunkan kesedaran masyarakat ke arah penglibatan dalam kerja kebajikan.

Antara rancangan yang telah dijalankan oleh pihak JKM ialah dengan melancarkan kempen

“Katakan Ya bagi Kanak-kanak / Say Yes For Children”. Pada asalnya kempen ini adalah di peringkat global bagi membolehkan kanak-kanak di seluruh dunia. Setiap kanak-kanak berhak menikmati kesihatan yang baik, pendidikan yang sempurna dan pendewasaan

yang berkualiti agar kehidupan mereka lebih terjamin di masa di hadapan (Umi Kalthum, 1994).

Kempen ini telah dilancarkan dengan jayanya di Malaysia pada 1 September 2001 bagi menyedarkan masyarakat agar lebih prihatin berkaitan dengan hak kanak-kanak. Dengan adanya pelbagai program dan kaedah maka masalah berkaitan dengan kanak-kanak dapat diatasi dan seterusnya dapat ditanganinya.

Menurut kempen katakan 'Ya kepada Kanak-Kanak', terdapat 10 tindakan utama bagi menjaga kebajikan mereka. Antara yang terpenting adalah seperti berikut :

- i) Tiada kanak-kanak yang akan ketinggalan. Tidak akan ada bentuk diskriminasi terhadap kanak-kanak kerana mereka juga mempunyai hak yang saksama seperti golongan dewasa.
- ii) Utamakan kanak-kanak. Setiap pihak adalah terlibat dan bertanggungjawab terhadap kanak-kanak (individu, organisasi bukan kerajaan, kumpulan agama, sektor swasta) berkaitan tentang hak-hak mereka.
- iii) Penjagaan kanak-kanak. Setiap kanak-kanak dan remaja adalah berhak terhadap kesihatan yang lebih baik untuk kesejahteraan mereka.
- iv) Berhenti mencederakan dan mengeksploitasikan kanak-kanak. Penganiayaan dari segi komersil dan seksual haruslah dihapuskan.
- v) Lindungi kanak-kanak dari ancaman peperangan dan konflik ganas. Ia adalah tanggungjawab semua pihak untuk memastikan kanak-kanak hidup di dalam keadaan aman, damai dan harmoni.
- vi) Hapuskan HIV/AIDS. Mereka perlu dilindungi daripada bahaya HIV/AIDS.

Antara aktiviti lain yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan Malaysia adalah dengan memberi khidmat kaunseling kepada kanak-kanak. Sebagai contoh Badan Kaunseling Kebangsaan (*National Counseling Council*) yang ditugaskan untuk menyediakan aktiviti-aktiviti kaunseling dan seterusnya melaporkan kepada menteri-menteri kabinet berkaitan dengan kegiatan kaunseling di Malaysia. Ianya telah membuahkan hasil yang cemerlang apabila kegiatan kaunseling ini telah diperkenalkan secara formal di peringkat sekolah (Abd Halim, 1994). Aktiviti kaunseling yang dianjurkan adalah satu program yang sihat bagi membantu kanak-kanak menangani masalah mereka dan melindungi hak-hak mereka.

KERJASAMA ANTARA BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN DAN KERAJAAN

Kerjasama yang erat di antara badan-badan bukan kerajaan dengan pihak kerajaan telah dipergiatkan lagi bagi memberi perlindungan yang sewajarnya kepada golongan remaja dan kanak-kanak. Kanak-kanak ini wajar diutamakan hak mereka kerana merekalah yang akan mencorak pembangunan negara di masa hadapan. Golongan remaja dan kanak-kanak harus mendapat kehidupan yang baik. Seperti contohnya mereka perlu mendapat pendidikan yang sempurna agar menjadi generasi yang berilmu bak kata pepatah '*melentur buluh biarlah dari rebungunya.*' Di antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah:

1. Rumah Tunas Harapan untuk Kanak-kanak

Tujuan penubuhan pusat ini adalah untuk menempatkan golongan-golongan seperti anak-anak yatim, kanak-kanak dari golongan keluarga yang porak-poranda dan kanak-kanak terbiar serta merempat. Di bawah projek ini kanak-kanak diberi peluang untuk menikmati pengalaman bersama-sama keluarga angkat yang dianggap boleh memberi kasih sayang dan suasana kekeluargaan. Keluarga angkat yang dipilih adalah berdasarkan ciri-ciri kemahiran dan sifat-sifat kasih sayang. Sesuai dengan mottonya iaitu 'kebajikan adalah tanggungjawab bersama' ia adalah disifatkan sebagai satu pendekatan yang unik dan diharapkan dapat melahirkan persekitaran yang sihat, khususnya untuk generasi akan datang (Abu Bakar, 1992).

2. Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia (MKMM)

Ianya telah ditubuhkan pada 1978 bertujuan untuk menjaga kebajikan kanak-kanak di Malaysia dan menjalankan aktiviti-aktiviti samada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain daripada itu, tujuan penubuhannya adalah untuk melahirkan generasi yang sihat dan penyayang, beretika mulia dalam meningkatkan pembangunan negara.

Pelbagai strategi yang telah dijalankan oleh MKMM untuk menjaga kebajikan kanak-kanak antaranya ialah seperti aktiviti tambahan bagi memantapkan fizikal, mental, kerohanian/spiritual dan emosi kanak-kanak khususnya untuk kanak-kanak istimewa. Mereka juga bertanggungjawab menjalankan penyelidikan, forum, penerbitan risalah-risalah dan informasi berkaitan dengan hak kanak-kanak, keperluan mereka di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. MKMM juga bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan lain bagi menjaga kebajikan kanak-kanak.

3. Persatuan Perlindungan Kanak-Kanak Malaysia

Tujuan utama penubuhannya adalah untuk memberi pengetahuan tentang perlindungan-perlindungan terhadap kanak-kanak dari pelbagai aspek. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti mengadakan ceramah-ceramah, seminar-seminar, persidangan-persidangan, pameran-pameran untuk menyampaikan ilmu pengetahuan berkaitan dengan perlindungan terhadap kanak-kanak. Persatuan ini juga bertanggungjawab untuk menerbitkan risalah-risalah yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak, menyarankan kepada pelbagai pihak tentang perlindungan kanak-kanak, berkerjasama dengan pihak-pihak lain sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa untuk menjaga kebajikan kanak-kanak.

4. Malaysian Child Resource Institute (MCRI)

MCRI telah menghantar 2 orang wakil untuk menghadiri dan menyertai dalam "U.N General Assembly Special Session on Children" pada 8 hingga 10 Mei 2002 bagi tujuan untuk mengambil maklumat dan tindakan berkaitan dengan "A World Fit for Children". MCRI adalah satu badan yang ditubuhkan bagi mempromosikan kebajikan kanak-kanak melalui sokongan padu daripada setiap lapisan masyarakat. Perlaksanaan MCRI adalah melalui 2 projek utama iaitu:

- i) *P.S the Children* yang akan memberi tumpuan kepada penderaan seksual di kalangan kanak-kanak

- ii) *Youth Power* bertujuan menggalakkan penyertaan keahlian dikalangan kanak-kanak dan remaja dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan.

Selain itu MCRI juga tidak menyediakan rumah perlindungan kepada kanak-kanak tetapi ia lebih mendorong ke arah membantu mereka (kanak-kanak) bagi mendapatkan keluarga angkat yang sesuai.

PERLINDUNGAN TERHADAP KANAK-KANAK DAN REMAJA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Malaysia juga di arena antarabangsa aktif menyokong apa juga tindakan yang diusahakan bagi melindungi hak dan kepentingan golongan kanak-kanak dan remaja. Sebagai buktinya negara kita menerima pakai Konvensyen Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Right of Child*). Konvensyen ini telah mengisytiharkan hak kanak-kanak dan telah mendefinisikan kanak-kanak adalah mereka yang berumur sehingga 18 tahun. Konvensyen ini telah mengambil kira :

- i) Kerjasama antarabangsa dalam memberi perlindungan terhadap kanak-kanak
- ii) Adalah tanggungjawab semua pihak (keluarga dan negara) untuk menjaga kepentingan kanak-kanak.
- iii) Memberi perlindungan kepada kanak-kanak sebarang cara yang memerlukan keluarga ganti/pelihara.
- iv) Memberi hak taraf kewarganegaraan kepada semua kanak-kanak.

Konvensyen ini juga telah menyediakan perlindungan secara komprehensif kepada kanak-kanak dengan memberi perlindungan terhadap hak dan kesejahteraan kanak-kanak. Konvensyen ini meliputi 3 bidang hak yang utama iaitu perlindungan terhadap kanak-kanak, perkembangan kanak-kanak dan kehidupan kanak-kanak (Mohamed Hassan, 1991).

Antara langkah-langkah yang telah disarankan oleh Konvensyen ini supaya kanak-kanak diberi perlindungan sewajarnya adalah melalui:

- i) Mewujudkan satu agenda yang lebih komprehensif kepada kanak-kanak
- ii) Mewujudkan satu badan atau instrumen yang dapat menilai dan memantau segala aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan
- iii) Memastikan setiap undang-undang yang dibuat adalah memenuhi standard yang telah ditetapkan oleh Konvensyen
- iv) Mewujudkan satu tabung khusus untuk kanak-kanak yang akan disumbangkan oleh masyarakat bagi memastikan ianya digunakan secara efektif untuk kebajikan kanak-kanak
- v) Memastikan bahawa data dikumpul secukupnya dan ianya dapat digunakan untuk memperbaiki segala kekurangan kanak-kanak di dalam segala bidang
- vi) Melahirkan kesedaran dan mendapatkan maklumat berkaitan dengan Konvensyen dengan menyediakan latihan kepada mereka yang terlibat dalam merangka polisi kerajaan dan yang bekerja untuk kebajikan kanak-kanak.

KESIMPULAN

Menjamin kesejahteraan hidup remaja dan kanak-kanak harus dipikul bersama oleh semua pihak. Kerjasama yang digembleng antara kerajaan dan badan bukan kerajaan

dalam melaksanakan perkara ini sememangnya wajar mendapat pujian. Golongan remaja dan kanak-kanak ini jika mendapat perlindungan yang sewajarnya akan menghindarkan diri mereka terjebak dalam kancah keruntuhan moral apabila mereka mencapai dewasa. Kehidupan yang serba kekurangan seperti kanak-kanak yang terabai mendorong mereka menjadi pelaku jenayah seperti pencuri di kemudian hari. Mereka juga akan mudah terbabat dalam penyalahgunaan dadah. Hal ini akan menjejaskan pembentukan masyarakat yang bebas dari gejala negatif di kalangan belia khususnya dan masyarakat Malaysia secara amnya.

RUJUKAN

- Abd Halim Othman. (1994). Towards counseling legislation in Malaysia. *Jurnal Perkama*, 6.
- Abu Bakar Said. (1992). Cooperation between government agencies and non-government organizations in the planning and delivery of social services in Malaysia, *Jurnal Kebajikan*.13.
- Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966.
- Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991
- Akta Pengangkatan 1952
- Akta Taska 1984
- Akta Wanita dan Gadis 1973
- Kanun Keseksaan
- Mohamed Hasan. (1991). Konvensi mengenai hak kanak-kanak. *Jurnal Kebajikan*. 6.
- Sayed Abd Rahman. (1996). Masalah sosial di kalangan remaja dan tindakan yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak. *Jurnal Kebajikan*. 18.
- Umi Kalthum Karim. (1994). Peranan JKM Malaysia dalam permasalahan remaja. *Jurnal Kebajikan*.16.